

"DAN juga mereka yang diredai Allah itu ialah orang-orang yang berdoa dengan berkata : Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat dan keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan menjadikan kami ikutan bagi orang-orang yang bertakwa".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 74.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

PLATFORM BERKONGSI PANDANGAN, BUAH FIKIRAN



KEMENTERIAN Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya semasa mengadakan Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Sesi Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ini bertempat di Dewan

Serbaguna, Bangunan KHEDN yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

>> Muka 2

1 kes COVID-19 dalam Kategori 4

■ Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Februari. - Sebanyak satu kes dicatatkan berada di dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan

oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu tidak ada kes dicatatkan berada dalam Kategori 5.

>> Muka 3

Bertanggungjawab menerajui perpaduan, kesejahteraan penduduk kampung

■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

JERUDONG, Ahad, 5 Februari. - Penduduk-penduduk kampung di bawah tadahan Mukim Sengkurong keluar mengundi bagi memilih calon yang akan menaiki tanggungjawab sebagai Penghulu Mukim Sengkurong yang baharu nanti.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Sengkurong itu berlangsung selama dua hari, iaitu pada Jumaat, 3 Februari 2023 dan berakhir hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, Kampung Jerudong, di sini.

Dua calon dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut iaitu calon pertama, Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman, berusia 67 tahun (berumur 62 tahun semasa tarikh tutup iklan pada tahun 2018) dan telah bermastautin di Kampung Sengkurong 'A' sejak lahir.

Beliau memperoleh kelulusan Master of Arts in The Faculty of Social Sciences dari Universiti of Durham pada tahun 1989. Pada ketika ini beliau berkhidmat selaku

Pemangku Penghulu Mukim Sengkurong menjawat jawatan Ketua Kampung Sengkurong 'A' sebelum ini.

Sementara calon kedua ialah Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, berumur 61 tahun (berusia 55 tahun semasa tarikh tutup iklan pada tahun 2018).

Beliau memperoleh kelulusan Bachelor of Arts in Humanities dari Middlesex Polytechnic tahun 1987 dan berkhidmat sebagai Pegawai Pelajaran Kanan, Kementerian Pendidikan sebelum bersara.

Daripada seramai 1,774 penduduk yang berdaftar, sejumlah 1,391 hadir mengundi melalui kaedah dalam talian menggunakan Aplikasi e-Undi PMKK dan juga secara pemuangan undi melalui kertas undi rasmi (ballot papers).

Pada majlis tersebut, Awang Haji Abdullah Hanif berjaya memperoleh sejumlah 1,154 undi dan Awang Haji Mustapa meraih 222 undi manakala tiga undi tidak bersetuju dan 12 undi rosak.

>> Muka 5

Keistimewaan Sembahyang Fardu Subuh

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Februari. - Assolatu Kahirum Minanau yang ertinya 'Sembahyang Lebih Baik Daripada Tidur' merupakan tajuk tazkirah pada minggu ini dalam Program Malam Munajat Ke-73 yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Nurhikmah binti Haji Idris dari Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Tazkirah tersebut sinonim dengan Sembahyang Fardu Subuh, antara lain menyentuh mengenai kelebihan dan keistimewaan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Isra, ayat 78, yang maksudnya, "Dirikanlah sembahyang mulai tergelincir matahari hingga sampai gelap malam dan (dirikanlah) Sembahyang Subuh, sesungguhnya Sembahyang Subuh itu disaksikan (oleh malaikat)".

Demikianlah juga hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda bersabda, "Sesiapa yang Sembahyang Isyak Berjemaah, maka dia seolah-olah bangun (bersembahyang) separuh daripada malam dan sesiapa yang Sembahyang Subuh Berjemaah, maka dia seolah-olah telah bangun bersembahyang sepanjang malam".

Oleh itu, kepentingan untuk tidur awal dan bangun awal agar tidak luput Sembahyang Subuh mengikut sunnah Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidur di awal malam dan bangun mendirikan sembahyang malam (bermunajat) di sepertiga akhir malam.

>> Muka 4



Berita Utama



ROMBONGAN KHEU, NBD mengadap Pemangku Raja Pahang
Muka 3



10 peserta terima sijil Bengkel Asas Juruacara Majlis

Muka 7



BMEN-Shell LiveWIRE Brunei anjur AMEN untuk NBD

Muka 9



DEMAND4FITNESS bantu realisasikan impian Rosdiman

Muka 20

Platform berkongsi pandangan, buah fikiran



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Sesi Muzakarah di Dewan Serbaguna, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

>> Muka 1

Sesi muzakarah berkenaan adalah sebagai platform untuk memberikan peluang kepada Yang

Berhormat Ahli-ahli MMN untuk mendengarkan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan serta pelbagai perancangan strategik kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya,

selain dapat mengongsikan pandangan serta buah fikiran dan apa juga perkara atau isu yang memerlukan perhatian pihak kementerian dan jabatan demi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti ke arah kesejahteraan

orang awam dan pembangunan negara. Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berpeluang untuk berinteraksi dengan lebih dekat lagi bersama pihak pengurusan atasan KHEDN serta ketua-ketua jabatan dan bahagian.

Turut hadir pada sesi muzakarah berkenaan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di KHEDN.

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	ISNIN	15	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	SELASA	16	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	RABU	17	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	KHAMIS	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	JUMAAT	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	SABTU	20	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	AHAD	21	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	32 24 °C	31 24 °C	32 21 °C
Pekan Bangar	31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	32 24 °C	32 25 °C	31 25 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 6 FEBRUARI 2023

Institusi kekeluargaan serlahkan keperibadian

PERKARA yang perlu dititikberatkan oleh generasi kita pada masa kini ialah pendidikan adab sudut budi bahasa. Bahkan, adab dan sopan itu lebih penting daripada makan dan minum. Kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya.

Pembentukan akhlak yang baik seperti hormat menghormati, sentiasa ringan mulut mengucapkan terima kasih, tolong-menolong, jujur, amanah, berdisiplin dan bertanggungjawab haruslah menjadi amalan institusi keluarga. Sistem keluarga haruslah diperkuat dengan mengajar anak-anak menghormati ibu bapa, menghormati ahli keluarga yang lebih tua.

Agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dua hubungan iaitu *Hablum Minaallah* (hubungan dengan Allah) dan *Hablum Minannas* (hubungan dengan manusia).

Adapun menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah dengan cara kita beribadat dan mentaati suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Manakala menjaga hubungan dengan manusia pula ialah kita melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menunaikan hak-hak sesama Muslim. Salah satu dari hak sesama Muslim itu adalah menyebarkan salam.

Memberi salam adalah amalan yang mulia dan sangat digalakkan dalam agama kita. Salam ialah ucapan penghormatan yang berbentuk doa yang ditujukan kepada sesama Muslim sama ada yang dikenali ataupun tidak. Ini menunjukkan betapa manis dan murninya agama Islam itu dalam menghubungkan persaudaraan sesama Islam melalui pengucapan salam. Walaupun ucapan salam itu pendek akan tetapi isi dan maksudnya adalah doa bagi mendapatkan kesejahteraan dan keselamatan.

Kata orang, budi bahasa dan adab tidak boleh dijual beli. Ia sesuatu yang sangat luhur dan terbit daripada hati sanubari seseorang. Malah, dalam zaman digital masa kini, budi bahasa bukan sahaja dikenali melalui percakapan tetapi juga cara kita berkomunikasi dalam media sosial. Sikap kita dalam berinteraksi dan berkomunikasi jelas melambangkan peribadi. Adakalanya kita tidak peduli perasaan orang lain apabila kita berkomunikasi, tidak kira secara berdepan atau di media sosial.

Malah, kita jarang menghargai orang sekeliling seperti ibu bapa, anak-anak, rakan sekerja, jiran tetangga dan pekerja bawahan. Cara kita menyampaikan mesej ada kalanya menyerlahkan ego kita dan menyinggung perasaan si penerima mesej, khususnya apabila menggunakan media sosial dalam dunia tanpa sempadan ini.

Justeru, sangat penting membina hubungan baik dengan orang sekeliling sama ada rakan sekerja, jiran dan mereka yang berurusan dengan kita setiap hari supaya persekitaran tempat bekerja, belajar atau tempat tinggal kita lebih harmonis dan ceria.

Marilah kita mula didik anak-anak untuk berbahasa dan berakhlak baik dari rumah. Kuatnya dan santunnya sesuatu bangsa dan negara itu akan bermula daripada kukuhnya institusi kekeluargaan. Maka pendidikan adab dan akhlak yang betul dari institusi keluarga mampu melahirkan pemimpin dan insan yang bakal menggoncangkan dunia kerana menjalankan setiap amanah dengan adab dan akhlak yang tinggi. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

ROMBONGAN KHEU, NBD MENGADAP PEMANGKU RAJA PAHANG



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam mengetuai rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam siri Kunjungan Hormat dan Rundingan Kerjasama KHEU Bersama BTHMUI ke Negara Malaysia dan mengadakan Majlis Mengadap ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatudin Al-Mustafa Billah Shah (kanan dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

PAHANG, MALAYSIA, Sabtu, 4 Februari. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam yang

mengetuai rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam siri Kunjungan Hormat dan Rundingan Kerjasama KHEU Bersama BTHMUI ke

SESI Kunjungan Hormat dan Rundingan Kerjasama yang diadakan berkenaan adalah dalam usaha KHEU, NBD untuk memperkemarkan dan merealisasikan fokus strategik Jaminan Keselamatan dan Kesejahteraan Sosial dalam Rancangan Strategik KHEU 2020 hingga 2024 serta mempertingkatkan integrasi rangkaian dan peluang kerjasama dalam bidang berkaitan zakat, waqaf, wasiat dan Baitul Mal terutama dalam mengenal pasti amalan-amalan terbaik dalam hal ehwal pentadbiran, pengurusan sumber tenaga manusia, struktur organisasi, kewangan, perundangan, mekanisme kutipan dan agihan Zakat Pendapatan dan Zakat Harta, Akreditasi Tauliah Mengajar Ugama dan Program Pengupayaan Asnaf.

Negara Malaysia dan Republik Singapura berkesempatan mengadakan Majlis Mengadap ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatudin Al-Mustafa Billah Shah bertempat di Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota, Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Sejurus itu pada sebelah petang, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bersama rombongan dari KHEU dan BTHMUI, NBD mengadakan sesi Rundingan Kerjasama bersama dengan Ahli-ahli Majlis Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan mendengarkan sesi taklimat mengenai latar belakang dan pelbagai program utama MUIP serta anak syarikatnya.

Sesi Kunjungan Hormat dan Rundingan Kerjasama yang diadakan berkenaan adalah dalam usaha KHEU, NBD untuk memperkemarkan dan merealisasikan fokus strategik Jaminan Keselamatan dan

Kesejahteraan Sosial dalam Rancangan Strategik KHEU 2020 hingga 2024 serta mempertingkatkan integrasi rangkaian dan peluang kerjasama dalam bidang berkaitan zakat, waqaf, wasiat dan Baitul Mal terutama dalam mengenal pasti amalan-amalan terbaik dalam hal ehwal pentadbiran, pengurusan sumber tenaga manusia, struktur organisasi, kewangan, perundangan, mekanisme kutipan dan agihan Zakat Pendapatan dan Zakat Harta, Akreditasi Tauliah Mengajar Ugama dan Program Pengupayaan Asnaf.

Tinjauan lawatan dan rundingan kerjasama turut mensasarkan beberapa entiti / anak syarikat Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia dan Republik Singapura bagi mengadaptasi pelaksanaan urus tadbir struktur organisasi dan fungsi korporat pengurusan wakaf dan Baitul Mal serta meneroka prospek kerjasama dan mendapatkan maklumat eksklusif mengenai pelbagai projek wakaf dan Baitul Mal di luar negara, sekali gus dapat mencapai matlamat strategik BTHMUI dalam usahanya bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam mengembangkan hartanya melalui horizon pelaburan yang patuh syarak agar sentiasa relevan dengan peredaran zaman,


keperluan semasa dan kesesuaian di NBD.

Ahli-ahli rombongan terdiri daripada para pegawai dari KHEU, iaitu Pengarah Perundangan Islam, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, selaku Ketua Kerja; dan Ketua Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Mesyuarat di Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Ariffin bin Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Turut menyertai rombongan, Ketua Sukuk Financing Office, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari, selaku wakil Ahli Kumpulan Fokus bagi Projek Pemerkasaan Wakaf, KHEU.

Manakala BTHMUI diwakili oleh Pengarah BTHMUI, Awang Haji Noor Hadi bin Haji Noor Kaseh; Pengurus Kewangan Kanan, Seksyen Kewangan, BTHMUI, Dayang Siti Norhamidah binti Haji Abdul Hamid; Pengurus, Seksyen Pelaburan, Perdagangan dan Pemasaran, BTHMUI, Dayang Siti Norhafizah binti Haji Abu Bakar; dan Pengurus, Seksyen Pelaburan, Perdagangan dan Pemasaran, BTHMUI, Awang Mohammad Adika bin Mohammad Yusof.

1 kes COVID-19 dalam Kategori 4



Oleh : Khartini Hamir
Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, sebanyak 114 kes disahkan sembuh yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 274,790.

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 87.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

Tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Sebanyak 139 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 274,676.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi manakala tidak ada kes di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 4 Februari 2023, sebanyak 87.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.9 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

KEISTIMEWAAN SEMBAHYANG FARDU SUBUH



ANTARA yang hadir pada Malam Munajat yang bertujuan mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Adapun, beberapa tip atau panduan untuk kita mudah bangun awal supaya kita dapat menunaikan Sembahyang Fardu Subuh termasuk dengan berniat bangun awal sebelum azan Subuh, tidur awal sebelum jam 10.00 malam dan mengamalkan berwuduk sebelum tidur.

Malam Munajat pada minggu ini menyaksikan penampilan istimewa jemaah wanita dengan mengundang sama tetamu khas, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji

Sulaiman yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Turut memeriahkan acara tersebut, para Muslimah dari beberapa masjid di seluruh negara termasuk jemaah Muslimah Masjid Perpindahan Lambak Kanan dan Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL), tenaga akademik serta warga kerja wanita Jabatan Pengajian Islam dan juga KHEU bersama ahli keluarga dari kediaman masing-masing.

Sejurus selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli dari Surau

Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah, KHEU, Dayang Dr. Noryati binti Haji Ibrahim.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan Selawat Tafriyyah dipimpin oleh Dayang Hajah Mahani binti Haji Ibrahim bersama PERBEKAL dari Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Muniratussafiah binti Dato Seri Setia Haji Johar.

Ikut sama meramai-ramakan

DEMIKIANLAH juga hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda bersabda, "Sesiapa yang Sembahyang Isyak Berjemaah, maka dia seolah-olah bangun (bersembahyang) separuh daripada malam dan sesiapa yang Sembahyang Subuh Berjemaah, maka dia seolah-olah telah bangun bersembahyang sepanjang malam".

Oleh itu, kepentingan untuk tidur awal dan bangun awal agar tidak luput Sembahyang Subuh mengikut sunnah Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidur di awal malam dan bangun mendirikan sembahyang malam (bermunajat) di sepertiga akhir malam.

acara Malam Munajat tersebut, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi dan isteri Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Malam Munajat diteruskan bagi minggu Ke-73 yang dikhususkan untuk wanita buat kali ketujuh anjuran KHEU mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan,

perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.



Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan Berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua mereka berada pada setiap hari Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak

Jambatan SHOAS, Bangunan PJSC bermandikan cahaya lampu



BAGI menunjukkan sokongan Negara Brunei Darussalam terhadap usaha dalam memerangi kanser, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) malam tadi diterangi dengan cahaya lampu berwarna biru dan oren (kiri dan kanan).

Oleh : Srinawie Bidzah
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Hari Kanser Sedunia 2023 yang disambut pada setiap 4 Februari, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga turut menyambut dan meraikan sambutan berkenaan sebagai sebahagian daripada

komitmen NBD.

Sehubungan itu, bagi menunjukkan sokongan NBD terhadap usaha dalam memerangi kanser, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) malam tadi diterangi dengan cahaya lampu

berwarna biru dan oren.

Mengikut statistik yang diperolehi daripada Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (BDCR) pada tahun 2021, NBD mencatatkan sebanyak 294 kes kematian akibat penyakit kanser manakala sebanyak 682 kes baharu dikesan menghidap penyakit kanser.

Sehubungan itu, Hari Kanser Sedunia pada tahun ini adalah tahun kedua daripada kempen

selama tiga tahun yang bertemakan 'Menutup jurang penjagaan', iaitu berkisarkan isu ekuiti.

Oleh itu, orang ramai adalah disarankan untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan mengambil pelbagai langkah seperti mengambil pemakanan yang sihat dan seimbang, pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran

setiap hari selain meningkatkan aktiviti fizikal sekurang-kurangnya 30 minit dalam sehari, lima kali atau lebih dalam seminggu.

NBD melalui Kementerian Kesihatan juga turut menyarankan kepada orang ramai untuk menjalani ujian saringan untuk mengesan penyakit kanser pada peringkat awal dan seterusnya dapat menerima rawatan dengan lebih baik dan pulih sepenuhnya.

BERTANGGUNGJAWAB MENERAJUI PERPADUAN, KESEJAHTERAAN PENDUDUK KAMPUNG



MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Sengkurong di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, Kampung Jerudong dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara (atas dan kanan).

>> Muka 1

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Sengkurong yang dijalankan pada hari ini akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Terdahulu, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dalam ucapannya antara lain berkata bahawa penghulu mukim mempunyai tanggungjawab yang besar dan memegang amanah bukan saja amanah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

bahkan jua amanah penduduk-penduduk kampung yang akan ditadbir nanti.

Antara peranan penting pemegang jawatan penghulu mukim jelasnya adalah sebagai ketua dan pemimpin masyarakat di akar umbi di peringkat mukim serta ketua dan pemimpin kepada ketua-ketua kampung di mukimnya yang bertanggungjawab bagi menerajui perpaduan, keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat penduduk-penduduk kampung di mukimnya serta penggerak kepada pembaharuan, pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat kampung di mukimnya.

Selain itu, menjadi contoh teladan (*role model*) kepada

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



masyarakat mukim serta sebagai perantara dua hala kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan penduduk / masyarakat kampung sebagai mata, telinga, kaki dan tangan serta bertindak sebagai peneraju bagi mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan dan mengekalkan sistem pemerintahan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang Misle turut menambah, seorang penghulu mukim juga perlu bekerjasama rapat dengan Ketua-ketua Kampung dalam mukimnya dan

mukim persekitarannya termasuk mengadakan perundingan atau per muzakarah dengan Majlis Perundingan Mukim serta Majlis-majlis Perundingan Kampung serta bersama anak buah kampung mengenai apa jua perkara berkebalikan, pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan mukim.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, yang juga Ketua Kampung Putat, Mukim Lumapas, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Sengkurong dan Mukim Pengkalan Batu.

Lebih 60 sertai Kempen Derma Darah PEKERTI



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 4 Februari. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) mengadakan Kempen Derma Darah anjuran bersama kakitangan Tabung Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah Polis Gadong, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Kempen Derma Darah pada tahun ini yang bertemakan 'Donating Blood Can Make A Big Difference To Those In Need' dihasratkan untuk mewujudkan rasa kasih sayang serta menanamkan sifat beramal jariah dengan menambahkan simpanan tabung darah negara daripada sumbangan berkenaan.

Seramai 61 orang penderma turut serta yang terdiri daripada para pegawai dan ahli pangkat rendah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berserta ahli keluarga PEKERTI.

Kempen seumpama berkenaan juga diharap akan dapat diteruskan pada masa akan datang dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

Turut menyertai kempen berkenaan, isteri kepada Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong selaku Pengerusi PEKERTI dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



MELAHIRKAN BELIA YANG BERKEMAHIRAN DIGITAL



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat semasa bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Dynamik Technologies baru-baru ini mengadakan Sesi Ceramah dan Bengkel sebagai inisiatif Brunei Kids Can Code dengan sokongan Program Ekonomi Brunei.

Bengkel ceramah dan pengekodan difasilitasi oleh

penceramah jemputan, Femi dan Alex Owolade-Coombes dari United Kingdom.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh yang juga Pengarah Dynamik

Technologie.

Dalam ucapan perasmiannya, Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Haslina Taib berkata, "Secara global, terdapat kekurangan calon yang mempunyai kemahiran digital dan dalam era teknologi ini, pengekodan merupakan kemahiran yang sangat dicari dalam mana-mana industri.

"Kami benar-benar mahu membuka potensi anak-anak kita dan membolehkan mereka berfikir secara kreatif dan logik untuk dapat menyelesaikan sebarang masalah".

Seramai 50 peserta terdiri daripada Ahli Kelab Brunei Kids Can Code dan ibu bapa serta penjaga mereka menghadiri majlis tersebut.

Objektif acara ini adalah untuk memberi inspirasi kepada belia, untuk membangunkan kemahiran bagi persediaan masa hadapan seperti pengekodan, pemikiran kritis dan banyak lagi.

Semasa ceramah, Femi menerangkan tentang perjalanannya bermula daripada belajar pengekodan pada usia seawal 8 tahun sehingga menjalankan acara pengekodannya sendiri, dan menyampaikan bengkel pengekodan kepada khalayak antarabangsa, menggunakan platform yang dia cipta untuk membina komuniti yang inklusif dan menunjukkan kuasa pembelajaran dan pengajaran rakan sebaya.

Femi Owolade-Coombes kini

berusia 17 tahun dan merupakan Sarjana Reka Bentuk, Teknologi dan Kejuruteraan di Whitgift.

Minatnya untuk pengekodan mendorongnya untuk menubuhkan South London Raspberry Jam yang berkongsi kemahiran dan pengetahuannya untuk pengekodan dengan belia lain.

Beliau juga menubuhkan Tech London Advocates : Young Entrepreneurs dan menerima Anugerah Inaugural Legacy Diana Award and the Point of Light.

Selepas ceramah, pengekodan muda mendapat pengetahuan daripada bengkel praktikal amali di mana mereka berpeluang belajar dan melakukan aktiviti 'Microbit Flood Detector' yang dikendalikan oleh Alex Owolade-Coombes.

Alex berusia 12 tahun dan juga Sarjana Reka Bentuk, Teknologi dan Kejuruteraan di Whitgift, beliau mengitar semula papan peluncur lama menjadi perabot dan dijemput untuk mempamerkan karyanya di Tate Modern bersama abangnya Femi di COP26 untuk mencipta *podcast* tentang kemampaan dan memberikan pandangannya dari perspektif belia.

Sebagai menyokong inisiatif Brunei Kids Can Code oleh Dynamik Technologies, Femi dan Alex menderma Microbits daripada Yayasan Pendidikan Microbit.

Brunei Kids Can Code bermula pada Ogos 2020 dengan pertandingan pengekodan yang menyaksikan sambutan menggalakkan daripada pelajar seawal usia 7 tahun dan ibu bapa dari seluruh Negara Brunei Darussalam.

Lebih banyak acara akan diadakan untuk memastikan generasi akan datang mengembangkan kemahiran, keyakinan dan peluang untuk membuat perubahan.



كمنترين كصحتك
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:


Tekanan darah tinggi


Kolesterol tinggi


Kencing manis


Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berusia 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian bertulis di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berusia 50 ke atas; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berusia 40 ke atas; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berusia 25 ke atas; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.pkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperkasa Masyarakat Berkelainan Upaya'. Tarikh Tutup : 8 Februari 2023
2. 'Langkah Memupuk Semangat Patriotik'. Tarikh Tutup : 15 Februari 2023
3. 'Bersama Mencegah Penyakit Kanser'. Tarikh Tutup : 22 Februari 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENDUDUK KAMPUNG BENUTAN PILIH CALON KETUA KAMPUNG

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Benutan, Mukim Rambai bertempat di Sekolah Rendah Benutan (kiri dan kanan).

TUTONG, Ahad, 5 Februari. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Benutan, Mukim Rambai telah diadakan pada hari ini bertempat di Sekolah Rendah Benutan dengan menggunakan kaedah kertas undi.

menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada 3 Februari yang lalu.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Benutan, Awang Haji Norsham bin Rosli.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Benutan ialah Awang Haji Hairol Mazlan bin Haji Abdul Razak, berusia 55 tahun pada tarikh pencalonan, yang mana beliau pada masa ini bertugas sebagai Imam Tingkat IV di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga merupakan

Pemangku Ketua Kampung Benutan.

Seramai 113 penduduk daripada seramai 121 penduduk yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisi jawatan Ketua Kampung Benutan, yang mana enam orang telah mengundi menggunakan

aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 107 orang menggunakan kertas undi.

Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut telah menyaksikan sebanyak 113 undi telah bersetuju, sementara tidak ada undi tidak bersetuju dan undi rosak.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohammad Daniah@Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku Pengerusi Majlis; serta Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pemangku-pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Rambai berserta penduduk-penduduk kampung.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Benutan akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

10 peserta terima sijil Bengkel Asas Juruacara Majlis



MAJLIS Penyampaian Sijil Bengkel Asas Juruacara Majlis kepada para peserta terdiri daripada Ahli-ahli Pengakap Kelana, Pemimpin Pengakap dan Pesuruhjaya Ibu Pejabat.

Berita dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Februari. - Bengkel Asas Juruacara Majlis anjuran Persatuan Pengakap Daerah Brunei Muara, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah berakhir dengan penyampaian sijil penyertaan kepada 10 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Pengakap Kelana, Pemimpin Pengakap dan Pesuruhjaya Ibu Pejabat.

Bengkel yang diadakan selama dua hari itu diharapkan dapat melahirkan lebih ramai juruacara yang berkemahiran dalam penulisan skrip dan penyampaian yang baik.

Di samping itu, bengkel tersebut juga diadakan adalah untuk menampung permintaan juruacara bagi mengacarakan aktiviti dan kegiatan bersempena karnival 90 tahun berpengakap pada tahun

ini.

Penyampaian sijil penyertaan disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Badar bin Haji Awang Ali, dan turut dihadiri oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei Muara, Samsudin bin Haji Ahmad.

Bengkel berkenaan difasilitator oleh Ahli Pengakap Dewasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei Muara, Awang Haji Mohamad Paizzal bin Haji Piluk.

4 produk Paracetamol Suspension ditarik balik

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Berikutan dengan mesej yang tular di media sosial mengenai ubat Paracetamol Suspension yang dikuarantin baru-baru ini, Kementerian Kesihatan ingin mengesahkan bahawa empat *batch* ubat Paracetamol Suspension (50mg/ml) ditarik balik daripada pendedaran.

Ini adalah selaras dengan Standard Operating Procedure (SOP) Jabatan Perkhidmatan Farmasi setelah pemantauan dalaman terhadap produk berkenaan mendapati kualiti produk berkenaan berkemungkinan terjejas.

Nama produk berkenaan ialah Paracetamol Suspension (50mg/ml), iaitu No. Batch RP1222009, tarikh mansuh 11 Disember 2023; RP1222010, tarikh mansuh 12 Disember 2023; RP1222011, tarikh mansuh 12 Disember 2023; dan RP0123028, tarikh mansuh 30 Januari 2024.

Penarikan balik berkenaan hanya membabitkan empat Batch yang tersenarai di atas dan tidak melibatkan Batch lain yang dibekalkan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan.

Jabatan Perkhidmatan Farmasi sedang menjalankan siasatan lanjut ke atas produk berkenaan, dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Saintifik dan syarikat pembekal.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai ubat Paracetamol Suspension dengan nombor Batch seperti yang dinyatakan di atas adalah dinasihatkan untuk tidak menggunakannya atau boleh mengembalikannya ke farmasi di hospital-hospital atau Pusat-pusat Kesihatan yang berdekatan.

Setakat ini, tidak ada laporan diterima mengenai kesan mudarat yang berlaku dalam kalangan pesakit setelah memakan ubat berkenaan.

Walau bagaimanapun, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat doktor dengan seberapa segera di Pusat-pusat Kesihatan atau hospital-hospital yang berdekatan jika keadaan pesakit semakin merosot setelah pengambilan ubat berkenaan.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat terhadap kualiti produk ubat yang dibekalkan dan sentiasa memastikan ia adalah berkualiti, selamat dan berkesan.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk tidak merasa cemas dengan penularan maklumat berkenaan dan orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau melalui media sosial: @mohbrunei dan @pharmacybrunei bagi sebarang maklumat terkini.

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Seorang wanita berbangsa Iban memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu setelah melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Kampung Sungai Akar baru-baru ini.



LAFAZ dua kalimah syahadah oleh Dayang Saimira anak Sanie, yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Nur Umairah Azzahra binti Abdullah Sanie.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Dayang Saimira anak Sanie, yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Nur Umairah Azzahra binti Abdullah Sanie.

Majlis disempurnakan di hadapan para pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan penyampaian cenderamata kepada mualaf yang diraikan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan Doa Selamat.

Dayang Nur Umairah Azzahra ketika ditemui menjelaskan, keinginan untuk menjadi seorang Islam sebenarnya timbul dari naluri hatinya sendiri.

Menurutnya lagi, Islam itu merupakan agama yang indah dan ia bukannya sesuatu yang baharu baginya.

Beliau berharap akan mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam lagi.

Sepanjang bulan Januari 2023, PDI mencatatkan bilangan yang



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman di Kampung Sungai Akar.

memeluk agama Islam adalah seramai 30 orang di seluruh negara. Daripada jumlah berkenaan, seramai 12 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

Turut hadir pada majlis tersebut,

Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji Zailani bin Haji Abdul Malik; dan Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Mengkubau Kawasan 4 dan 5, Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat.

Taklimat Kenegaraan semai rasa cinta terhadap negara



ANTARA pelajar Tahun 7 Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkih, Rimba menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

RIMBA, Sabtu, 4 Februari. - Seramai 243 pelajar Tahun 7 Sekolah Arab Sultan Haji



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Hassanal Bolkih, Rimba menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam', hari ini.

Taklimat yang berlangsung di auditorium sekolah berkenaan merupakan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara malah ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri dalam kalangan pelajar.

Turut hadir semasa program tersebut, Pengetua Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkih, Rimba, Haji

Norhisyam bin Haji Mohd. Noor dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris yang antaranya menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan keadaan bendera iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada 12 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan taklimat.



سورھنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI - BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri*



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**termasuk Luar Bidang Kuasa SPA*



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

**termasuk Luar Bidang Kuasa SPA*





BMEN-SHELL LIVEWIRE BRUNEI ANJUR AMEN UNTUK NBD

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Rangkaian Mentor untuk Usahawan Brunei (BMEN) dengan kerjasama Shell LiveWIRE Brunei telah melancarkan Fasa 2, Program ASEAN Mentorship For Entrepreneur Network (AMEN) untuk Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 13 Januari lalu bertempat di iCentre, Anggerek Desa.

Program AMEN merupakan inisiatif utama Majlis Penasihat Perniagaan Asean

(ASEAN-Business Advisory Council-ABAC) Filipina yang dilancarkan semasa Filipina menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2017.

Program bagi seluruh rantau berkenaan bertujuan memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di seluruh ASEAN untuk menjalankan operasi mampan, menyediakan pekerjaan dan mendorong kemajuan ekonomi.

Dalam fasa pertama pelaksanaan pada tahun 2019,

sebanyak 10 modul pelbagai program bimbingan perniagaan dilaksanakan dengan jayanya di Malaysia, Indonesia dan Filipina.

la kini dilaksanakan di seluruh negara anggota lain, termasuk NBD.

Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Sokongan, Darussalam Enterprise (DARE), Dayang Norlela Suhailee, dalam ucapan alu-aluannya kepada para peserta bahawa nilai unik program AMEN ialah ia benar-benar diterajui oleh mentor.

Setiap satu daripada 10 modul pembelajaran berkenaan ditambahnya dibangunkan dan disampaikan oleh usahawan, karyawan dan ahli akademik di NBD yang mempunyai pengalaman berharga selama bertahun-tahun dalam menjalankan perniagaan atau menguruskan aspek yang berbeza.

Turut hadir pada majlis pelancaran berkenaan, Pengurus Program di Shell LiveWIRE Brunei, Qawiem Yacob; dan Konsultasi Kebangsaan bagi Program AMEN

ANTARA peserta yang menyertai Program ASEAN Mentorship For Entrepreneur Network (AMEN).



KETUA Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Sokongan, Darussalam Enterprise (DARE), Dayang Norlela Suhailee semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

(Brunei), Dr. Sophiana Chua.

Program AMEN Brunei chapter akan berlangsung dari bulan Januari hingga Mei 2023 dan sebagai tambahan kepada 10 modul pembelajaran, para peserta juga akan menjalani sesi kejurulatihan '1-to-1' untuk membangunkan pelan peningkatan perniagaan, sebelum bergerak kepada panel yang akan memberikan mereka maklum balas, nasihat dan akses kepada pelbagai sumber yang boleh menyokong dan meningkatkan perniagaan mereka.

Program berkenaan akan diakhiri dengan Majlis Graduasi bagi 30 orang peserta program.

10 modul berkenaan akan merangkumi tajuk-tajuk seperti Penetapan Minda Keusahawanan dan Pembentukan Nilai; Model Perniagaan Kanvas; Pemikiran Pemasaran; Pengurusan Operasi; Pendigitalan; Rantai Bekalan dan Nilai; Perakaunan Perusahaan dan Pengurusan Kewangan; Pengurusan Sumber Manusia dan

Organisasi; Inovasi yang didorong oleh pasaran; dan Tadbir Urus Yang Baik dan Etika.

BMEN yang dilancarkan pada bulan Mac 2019 dilaksanakan oleh DARE dengan kerjasama Majlis Penasihat Perniagaan, Brunei (ASEAN-BAC Brunei) dan terletak di bawah Program AMEN yang lebih luas.

Selain itu, ia adalah platform mentor secara percuma, untuk PMKS dan boleh diakses melalui kedua-dua platform dalam talian dan pelbagai acara mentor secara peribadi.

Mentor tempatan yang merupakan sebahagian daripada BMEN menawarkan pelbagai kepakaran berkaitan perniagaan termasuk inovasi, pemasaran, kewangan, strategi, pengauditan, pengurusan projek dan sumber manusia.

Sejak penubuhannya, ia mencatatkan lebih daripada 1,000 penglibatan mentor dan kini mempunyai seramai 83 mentor dan 228 mentee.





HIGHER EDUCATION VIRTUAL EXPO 2023

13 February 2023
9:30 AM - 4:30 PM

&

14-16 February 2023
8:30 AM - 4:30 PM

Visit us at:
<https://heexpo.moe.gov.bn/>



**ايسقو ماي
قعاجين تيغكي
٢٠٢٣**

**EKSPLO MAYA
PENGAJIAN TINGGI
2023**

Sponsored by :



Supported by :



Organised by :



Peluang sertai Kempen Derma Darah

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

TARIKH & MASA	TEMPAT
Isnin, 6 Februari 2023 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Kolej Kosmopolitan, Medan Jaya Setia, Berakas Ajuran Kolej Kosmopolitan
Rabu, 8 Februari 2023 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong
Khamis, 9 Februari 2023 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Temburong Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di beberapa buah tempat sebagaimana yang telah dijadualkan dan kempen-kempen tersebut adalah dibukakan bagi penyertaan orang ramai.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Isnin, 6 Februari di Kolej Kosmopolitan, Medan Jaya Setia, Berakas anjuran Kolej Kosmopolitan bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sementara itu, pada Rabu, 8 Februari, Kempen Derma Darah akan diadakan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Daerah Tutong bermula jam 9.00 pagi hingga 12 tengah hari.

Manakala pada Khamis, 9 Februari, kempen diadakan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Temburong anjuran DBP Daerah Temburong bermula jam 9.00 pagi hingga 12 tengah hari.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah ingin memaklumkan orang ramai bahawa nombor Talian Hotline di pusat ini telah ditukar ke +673 7440267 dan +673 7440277.

Orang ramai yang ingin menghubungi Pusat Pendermaan Darah bolehlah menghubungi melalui nombor-nombor tersebut sama ada melalui panggilan telefon, SMS ataupun menerusi aplikasi WhatsApp.

Manakala itu, bagi mana-mana penganjur yang ingin membuat tempahan slot untuk mengadakan Kempen Derma Darah, bolehlah menghubungi nombor talian +673 7375745.

25 PELAJAR SERTAI PROGRAM KEPIMPINAN

ANTARA aktiviti semasa program tersebut (kanan), manakala gambar kanan sekali, sebahagian pelajar yang mengikuti Program Kepimpinan Pelajar.

KUALA BELAIT, Sabtu, 4 Februari. - Seramai 25 pelajar dari Sekolah Arab Belait mengikuti Program Kepimpinan Pelajar yang terdiri daripada Raed dan Raedah atau Pengawas (Prefect), Ketua dan Penolong Ketua Kelas yang diadakan hari ini bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan, di sini.

Turut hadir, Pemangku Guru Besar Sekolah Arab Belait, Pengiran Hajah Masniah binti Pengiran Hussin, yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta-peserta program.

Objektif program yang dikendalikan oleh MINDA Youth Movement ini adalah untuk memberi dorongan dan semangat yang tinggi kepada para pemimpin pelajar dalam menjadi seorang ketua serta dapat mengenal diri sendiri sebagai seorang pemimpin



dan mengenali kawan-kawan.

Selain itu, ia juga bagi mewujudkan kumpulan pemimpin yang bekerja dalam satu pasukan dan juga meyakinkan diri, khususnya apabila bercakap di hadapan khayalak ramai,

mengetahui bahawa tugas yang diamanahkan kepada mereka itu sangat penting dalam apa jua yang diperlukan oleh pihak sekolah.

Program ini juga diharap dapat membantu membentuk sahsiah yang cemerlang dalam kalangan



■ Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

para pelajar di samping menggalakkan mereka agar sentiasa menanamkan sifat yang positif serta saling menyokong antara satu sama lain dalam sama-sama menimba ilmu yang telah dipelajari para pelajar yang terpilih yang diberikan tanggungjawab untuk membantu pihak sekolah, terutama sekali memastikan keamanan dan kesejahteraan sekolah.

Masyarakat perlu peka jenayah siber

■ Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 4 Februari. - Manfaat menggunakan platform media sosial begitu besar jika digunakan dengan sebaiknya, akan tetapi media platform ini juga mudah terdedah dengan jenayah siber di mana kebanyakan trend *scammer* menggunakan media sosial menjerat masyarakat bagi kegiatan jenayah.

Timbalan Pengerusi Tetap Tertinggi, Majlis Belia Brunei, Raden Mas Muhammed Mukhriz bin Radin Mas Emran semasa ditemu bual menjelaskan mengenai pandangan beliau bagaimana langkah terbaik agar terhindar daripada penipuan tersebut.

Menurutnya, jenayah siber seperti kes penipuan dan sindiket semakin bertambah dalam kalangan pengguna media sosial di Negara Brunei Darussalam.

Ini adalah disebabkan teknologi yang semakin canggih yang membolehkan *scammer* semakin cerdik untuk berpura-pura, pengguna yang mudah terperdaya boleh bertindak secara melulu untuk menghantar wang atau kurang pengetahuan tentang cara-cara menghindari *scammer*.

Antara cara untuk menghindari perkara tersebut adalah para pengguna haruslah

lebih cerdik daripada scammer iaitu sentiasa selidik, kumpul maklumat dan kenal pasti elemen-elemen yang tidak benar dan palsu di dalam media sosial seperti wujudkah seseorang atau sebuah syarikat yang bersifat meragukan dan menawarkan ganjaran yang tidak realistik yang dipaparkan dalam media sosial.

Seterusnya, orang ramai juga jangan mudah berkongsi sebarang maklumat khususnya maklumat peribadi dan kewangan kepada seseorang atau syarikat yang tidak benar kewujudannya atau mempunyai status kini yang meragukan.

Contohnya, seseorang syarikat yang menawarkan pekerjaan yang meragui atau menjamin skim pelaburan yang ganjarannya di luar akal (seperti beratus, beribu atau berjuta ringgit), setelah mencari maklumat dan menyelidik alamat dan maklumat syarikat tersebut rupanya itu tidak benar sama sekali.

Adapun contoh lain katanya, seseorang kawan atau kenalan dalam media sosial yang ingin bertemu secara *online* dan fizikal tetapi setelah disiasat rupanya orang tersebut tidak wujud bahkan seorang sindiket dadah atau penipuan wang. Ada baiknya *scammer* tersebut dibiarkan begitu sahaja tanpa dibalas atau dijawab perbualannya.

Jelas beliau lagi, jangan bertindak melulu apabila *scammer* menekankan awda untuk menghantar wang. Jangan mudah percaya, terperdaya dan terperangkap dengan sebarang tawaran palsu kerana ia adalah suatu penipuan. Hendaklah berhemah dan jangan malu untuk tetap bertanya *scammer* dengan memperbanyakkan soalan-soalan kritikal.

Di samping itu katanya, tanggungjawab ibu bapa adalah untuk sentiasa memantau, mengawasi dan mengawal penggunaan media sosial anak-anak.

Kita juga hendaklah belajar mengenai ilmu Cyber Security, menambah pengalaman dan mempunyai firasat dalam menentukan langkah-langkah menghindari *scammer* kerana ada juga beberapa institusi kerajaan seperti Cyber Security Brunei dan Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT) memberikan panduan dan bimbingan tentang kesedaran penipuan *scammer*.



TIMBALAN Pengerusi Tetap Tertinggi, Majlis Belia Brunei, Raden Mas Muhammed Mukhriz bin Radin Mas Emran semasa ditemu bual.

سردك سروي

كاوتامان مميري سلام

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن سِينر-بتر تقوى يايبت دَعْن منيفتككن كإيمانن كقدان. سسغكوهن اورغ يغ فالبع ملبا دسيسى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياله اورغ يغ فالبع بر تقوى. مدهمداهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برأوله كجيان دان كسلامن دنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دالم سورة النساء آية ٨٦:

تفسير:

دان اقبيل كامو دبريكن فقهرمن دَعْن سوات اوجافن حرمة (سقرت مميري سلام) مك بالسله فقهرمن ايت دَعْن يغ لبيه بايك درقدن اتو بالسله اي (دَعْن جارا يغ سام). سسغكوهن الله مفهرهيوغكن تيف ٢ سوات.

جماعه يغ درحمي الله،

آكام اسلام مغأجوركن اومتن اتوق سنتياس منحاك دوا هو بوغن يايبت خَبَلٌ مِّنَ اللَّهِ (هو بوغن دَعْن الله) دان خَبَلٌ مِّنَ النَّاسِ (هو بوغن دَعْن مأنسي). ادفون منحاك هو بوغن دَعْن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياله دَعْن جارا كيت بر عيادة دان منطاعتي سوروهنن دان منجاوهي لارغتن.

منكلا منحاك هو بوغن دَعْن مأنسي قول اياله كيت ملقسناكن كواجين ٢ دان مونينكن حق ٢ سمام مسلم. ساله ساتو دري حق سمام مسلم ايت اداله مبيركن سلام. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: حق مسلم قد مسلم يغ لاین اد ام. لالو اد يغ منايكن، اف ساج كام حال ايت يا رسول الله؟ رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: اقبيل اَعْكُو بَرْمُو، اوجفككله سلام قدن، اقبيل اَعْكُو داوندغ، فوهيله اوندغتن، اقبيل اَعْكُو دميتاي نصيحة، بريله نصيحة قدن، اقبيل دي برسین لالو دي موجي الله (مغأوجفكن الحمد لله)، دعاء كله دي (دَعْن مغأوجفكن يَرْحَمُكَ اللَّهُ)، اقبيل دي ساكيت، لاولته دي، دان اقبيل دي منيشكل دنيا، ليريقيله جنازهن (تمفي كانه فرقبورن). {حديث رواية امام مسلم}

جماعه يغ درحمي الله،

مميري سلام اداله عمان يغ ملبا دان ساغة دكالفكن دالم آكام كيت. سلام اياله اوجافن فقهرمن يغ برنتوق دعاء يغ دتوجوكن كقد سمام مسلم سام اد يغ دكلي اتوقون تيدق.

اين منوجوكن بتاف مانيس دان مورنين آكام اسلام ايت دالم مغهروغكن فرسوداران سمام اسلام مالوي فقوجافن سلام. والوقون اوجافن سلام ايت فيديق اكن تناي ايسي دان مقصودن اداله دعاء باكي مندافتكن كسجهزان دان كسلامن. درقد عبدالله بن عمرو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بهوا ني صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا اقبيل دنان بر كايبن اسلام افكه يغ تريبك: تَطْعَمُ الطَّعَامَ، وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَيَّ مَن عَرَفْتْ وَعَلَى مَن لَّمْ تَعْرِفْ.

مقصودن:

"كامو مميري ماكن دان مغوجفكن سلام كقد اورغ يغ كامو كل دان كقد اورغ يغ كامو تيدق كل." {حديث رواية امام بخاري}

ادفون حكوم مميري اتو مغوجفكن سلام ايت اداله سنه، منكلا منجاوبن قول حكوم اداله واجب. سسغكوهن لفظ سلام يغ فالبع افضل دان سمفورنا ايت اياله: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ارتين: سموك كسجهزان، رحمة الله دان بركن ترليمفه كقد مو.

دان هندقله دجواب دَعْن: وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ارتين: سموك كسجهزان، رحمة الله دان بركن ترليمفه كقد مو جوك.

دَعْن مغوجفكن سلام كاتس سنورغ، كيت اكن مفراولهي بايق فهلا دان كنجارن. سسغكوهن سثيف اوجافن سلام ايت مقويباي نيلاي فهلا يغ برسيدا-بيدا سقرت يغ درغكن اوله رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بكندا. درقد عمران بن حسين رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كاتن: اد سورغ للاكي داتغ كقد نبي محمد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لالو اي مغوجفكن: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ كمدين بكندا مبالس سلام اورغ تادي لالو دودوق دان تروس برسيدا: سقولوه. مقصودن فهلان دليفتكن سقولوه كالي. منلجوتن داتغ قول اورغ لاین لالو اي مغوجفكن: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ كمودين بكندا مبالس سلام اورغ ايت لالو دودوق لاکي دان برسيدا: دوا قولوه. مقصودن فهلان دليفتكن منحاك دوا قولوه كالي. سزوسن اد قول اورغ لاین داتغ، لالو مغوجفكن: السلام عليكم وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ كمودين بكندا مبالس سلام ترسوت، لالو تروس دودوق برسيدا: تيك قولوه. مقصودن فهلان دليفت كنداقن منحاك تيك قولوه كالي. {حديث رواية امام ابو داود}

جماعه يغ درحمي الله،

والوقون فيبارن سلام ايت ساغة دنوتوت، اكن تناي اد تمقت دان كتيكن كيت دمكروهكن اتوق مغوجفكن. ادفون كادان. يغ دمكروهكن ايت انتارا لاین اياله:

فرتام: مميري سلام كقد اورغ يغ سدغ بواغ اير.

كلوا: مميري سلام كقد اورغ يغ سدغ تيدور اتو مغنتوق.

كتيك: مغوجفكن سلام كقد اورغ يغ سدغ اذان، اقامه دان سمبيغ.

كامقه: مميري سلام كقد اورغ يغ ماكن دان ماكن سدغ برادا دمولوتن.

كليهم: كتيك خطبة جمعة سدغ دباچكن. امام النووي برقدافه، مكروه مميري سلام كقد جماعه يغ حاضر، كران مريك دسوروه اتوق برديم دري مندغركن خطبة.

كامم: مكروه مميري سلام كقد اورغ يغ سدغ مباح القرآن.

سسغكوهن عمان مميري سلام ايت بوكن ساج كتيك هندق برجومفا اتو برساف سهاج، بيكن كتيك كيت هندق ماسوق رومه سنديري اتو كتيك هندق ماسوق كرومه اورغ لاین فون كيت دايجوركن اتوق مميري سلام. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان دالم سورة النور آية ٦١:

تفسير:

مك اقبيل كامو ماسوق كسسيواه رومه، هندقله كامو مميري سلام (كقد فقهورين يغ برارتي مميري سلام) كقد دري كامو سنديري، سلام يغ دتفكن دري سيسي الله، يغ برکت لاکي بابك. دمكيله الله منرغكن كقد كامو آية ٢ كراغتن (يغ منطسكن حكوم ٥٢)، موده-مودهن كامو مهمين.

سلاين ايت، سكيران تباد فقهورني اتوقن تيدق اد سنورغ ددالم رومه، مك كيت دسوروه مغوجفكن سلام سقرت: السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ.

ارتين: سلامة سجهزا كاتس كامي دان كاتس همبا ٢ الله يغ صالح.

جماعه يغ درحمي الله،

فرلو دايفت، جك كيت ميبوت نام الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سلوم ماسوق رومه، مك رومه ترسوت اكن ترهيندر درقد شيطان. اين جلس سياكيما يغ درواينكن درقد جابر رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بلباو مندغر نبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا يغ بر مقصود: اقبيل سنورغ ماسوق كرومهن لالو دي مغايغي الله كتيك دي ماسوق رومه دان كتيك ماكن، شيطان برکات (كقد سوکو-ساكن): "تيدق اد تمقه برمام دان ماكن مالم باكي كامو. دان جك دي ماسوق تنفا مغايغي الله كتيك دي ماسوق، شيطان برکات: "باكي كامو اد تمقت اتوق برمام". جك دي تيدق مغايغي الله كتيك دي ماكن، شيطان برکات: "باكي كامو اد تمقت برمام دان ماكن مالم." {حديث رواية امام مسلم}

برداسركن حديث ترسوت، باتله كقد كيت اكن كهيبين فضيلة ميبوت نام الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان مميري سلام خصوصن مميري سلام سلوم ماسوق رومه. دَعْن اوجافن سلام، رومه تها اكن دليوتي كيركن درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، دري كجوكوفن دان ترهيندر دري كغكوان شيطان. بيلا رومه مندافه برکة مك فقهورين اكن هيدوف دالم كادان نغ، تنترام دان روكون دامي.

اوله يغ دميكين، واهي قوم مسلمين يغ درحمي الله، جالينكله هو بوغن صلة الرحم سمام كيت دَعْن معملكن مميري دان منجاوب سلام ايت سباكي ساتو بوديا دالم كهيدوفن كيت سهارين. سموك عمان اين منجادي فقوكوه دان فقوات كقد فرقادوان دان كسجهزان اومة سجاكت. موده-مودهن دَعْن يغ دمكين، كيت سنتياس برأوليه كسلامن، رحمة، كيركن دان قرليندوغن درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسير:

اوجافن فقهرمن كقد مريك سمام ممنون (داخيرة) اياله "سلام". دان دي تله ميباكن اتوق مريك فهلا يغ ملبا. {سورة الأحزاب آية: ٤٤}

بارك الله لنا في القرآن العظيم، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمِ اسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

دعاء موهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانِ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Keterangan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK/ SH / 12 / 2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Surat Khabar ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selama dua (2) tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 2 Mac 2023
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK/ SH / 14 / 2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
The Supply and Delivery of Desktop PC RAM and SSD for Ministry of Primary Resources and Tourism

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 9 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
MAKLUMAN IKLAN LANJUTAN

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / BBA 01 / 2022

Nama Projek :
PEMBINAAN JEJANTAS PEJALAN KAKI DI BUKIT TERAJA, DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga :
Selasa, 7 Februari 2023,
Jam 3.00 Petang

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Quotation Notice

Quotation No. :
33 / JMM / S / 12 / 91
(2022 / 2023)

Quotation For :
Sebut Harga Bagi 'Design And Build Display Cabinet / Wall Panel And Painting Works At Gallery 1 & 2', Muzium Maritim Brunei Darussalam

Not later than 2.00 PM on 16 February 2023 (Thursday)



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Quotation Notice

Quotation No. :
32 / JMM / S / 12 / 91
(2022 / 2023) - R

Quotation For :
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mereka Bentuk, Membekal dan Pemasangan Kaunter Baharu Bagi Bangunan Muzium Maritim Brunei Darussalam, Kota Batu

Not later than 2.00 PM on 16 February 2023 (Thursday)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pendaftaran Bakal-Bakal Rekrut Wanita Pengambilan Ke-58 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal **Rekrut Wanita Pengambilan Ke-58 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei** mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

Tatacara :
Pandu lalu (*drive-thru*)

Tarikh dan Masa dibuka adalah seperti berikut :

6 Februari 2023
- 16 Februari 2023

Isnin - Jumaat sahaja
Hari Kelepasan Awam ditutup
8.30 Pagi - 12.00 Tengah Hari
8.30 Pagi - 11.00 Pagi
(Jumaat Sahaja)

Sila layari laman sesawang
<http://www.mindef.gov.bn>

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pendaftaran Bakal-Bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-172 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal **Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-172 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei** mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

Tatacara :
Pandu lalu (*drive-thru*)

Tarikh dan Masa dibuka adalah seperti berikut :

6 Februari 2023
- 16 Februari 2023

Isnin - Khamis sahaja
Jumaat dan Hari Kelepasan Awam ditutup
8.30 Pagi - 11.00 Pagi
2.30 Petang - 4.00 Petang

Sila layari laman sesawang
<http://www.mindef.gov.bn>

JABATAN MUFTI KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JMK / PRL / A / 2022-2023 / 002

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput dan Pemeliharaan Lanskap Kawasan Luar Bangunan Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Bagi



(Career - Military Recruitment (*female*)) bagi tempat / lokasi pendaftaran pandu lalu

Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari) sebelum latihan bermula pada 4 September 2023.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :
Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan Bolkiah Garison

Telefon :
+673 2386898

atau layari laman sesawang
<http://www.mindef.gov.bn>
(Career - Military Recruitment (*female*))

e-mel :
RO.recruit@mindef.gov.bn

PEJABAT BESAR POS KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Permohonan Untuk Menjadi Wakil Pos Bagi

I. Kampung Ukong

JABATAN Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dengan ini mempelawa orang ramai untuk memohon menjadi **Wakil Pos bagi Kampung Ukong**.

a. Borang Permohonan boleh diperoleh :

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar,



Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan.

dan setelah lengkap diisi hendaklah hantar kepada Ketua Pos Agung, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari **Selasa, 28 Februari 2023**.

b. Pemohon-pemohon akan ditemu duga mengikut tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / GRU / TA / 005
GURKHA HAT (VARIOUS SIZES)

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / GRU / TA / 006
GREEN SONGKOK WITH GOLD THREAD LINE (VARIOUS SIZES)

Yuran Tawaran :



BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 21 Februari 2023**.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang



Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 7 Syaaban 1443H
bersamaan 28 Februari 2023M
Tidak lewat Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BPP / 045 / 2022

Tajuk Tawaran :
MAINTENANCE OF POLE MOUNTED AND COLUMN BELOW 10M STREET LIGHTINGS FOR MUKIM BERAKAS, KIANGGEH AND KOTA BATU FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BPP / 046 / 2022

Tajuk Tawaran :
MAINTENANCE OF 10M STREET LIGHTINGS FOR MAINROAD FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS

Yuran Tawaran :
BN30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Basement Two (B2)



Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja dalam kategori E01 dan E02 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E01 dan E02.

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
BBS / BPE / TI / 2023-II

Keterangan Tawaran :
PENYEWAAN RUANG-RUANG PERNIAGAAN BANGUNAN PASARNEKA SERIA JALAN LORONG 3 SELATAN SERIA DI BAWAH KAWALAN JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

- (i) Bangku Runcit (16 kekosongan)
- (ii) Bangku Ikan / Ayam (31 Kekosongan)
- (iii) Bangku Sayur (52 kekosongan)
- (iv) Kantin (1 kekosongan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
21 Februari 2023,
Jam 2.00 Petang



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 2 kerja berikut :

1. T / 001 / RBPF-HQ / 2023-T

The Supply and Delivery Of All Terrain Vehicles For the Royal Brunei Police Force

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

2. T / 002 / RBPF-HQ / 2023-T

The Supply and Delivery Of Dirt Bikes For the Royal Brunei Police Force



Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Borang :
Selasa, 28 Februari 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
7 Mac 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
10 / JANUARI / KKBS / BKBN / 1.40 / 23

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Pembelian Hadiah Bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)



Tarikh Tutup :
Tidak lewat Khamis, 9 Februari 2023, jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 204 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Landscaping And Grasscutting Institute Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanalkhalid, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
1 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
27 / DBP / SH / 2022-2023

Tajuk Tawaran :
To Fabricate, Supply And Deliver Portable Cabin Suitable For Storage At Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka

Bilangan Tawaran :
28 / DBP / SH / 2022-2023

Tajuk Tawaran:
Supply And Install New Flooring For Balai Sarmayuda At Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 15 Februari 2023



**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JMK / BJS / A / 2022-2023 / 001

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI KERJA-KERJA MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM BANGUNAN DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM, JABATAN MUFTI KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI, SIMPANG 26, JALAN PENGIRAN BABU RAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM (BLOK PENTADBIRAN DAN PERPUSTAKAAN ISLAM BRUNEI DARUSSALAM) BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
7 Syaaban 1444H /
28 Februari 2023M
Tidak lewat Jam 2.00 Petang



**PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA**

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 02 / 2023

Tajuk Projek :
The Supply, Delivery, and Commissioning Of Twelve (12) Units LD3 / LD6 Dolly Trailer For His Majesty the Sultan's Flight Office.



Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa, 28 Februari 2023, jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

BCY / CP / 116 / 2009

RHB Bank Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen
Hjh Zakiah bte Hj. Mohd. Yusof
(BYIC No. 00-04310)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut pada
1 Julai 2010 telah dibatalkan pada
22 Disember 2022.

Nama Penghutang :
Hjh Zakiah bte Hj. Mohd. Yusof

Alamat Penghutang :
No. 9, Simpang 332,
Kilometer 4, Jalan Tutong,
Kampung Tumasek,
Bandar Seri Begawan, BA2111,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
29 Disember 2022

BCY / CP / 549 / 2015

Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC
Finance (B) Bhd)
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Jasiah binti Serudin /
Jemaludin
(BYIC No. 00-277972)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut pada
17 September 2016 telah
dibatalkan pada **24 Disember**
2022.

Nama Penghutang :
Jasiah binti Serudin /
Jemaludin

Alamat Penghutang :
No. 134 D-1,
Kampung Lorong Sikuna,
Bandar Seri Begawan, BP2126,
Negara Brunei Darussalam
atau
B 49, No 1, Titian 5, Jambatan
Paduan, Kg Setia Pahlawan,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
29 Disember 2022

BCY / CP / 50 / 2018

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Razali bin Osman
(Kad Pengenal Brunei
No.: 30-204078 - Unggu)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **24 Disember**
2022.

Nama dan alamat Bankrap :
Razali bin Osman
No. 13, Spg 82,
Kampung Kapok Kanan,
BT2328,

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
29 November 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tarikh :
29 Disember 2022

BCY / CP / 642 / 2015

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Shujairi bin Haji Asri
(Kad Pengenal Brunei :
00-112428 - Kuning)

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **24 Disember**
2022.

Nama dan alamat Bankrap :
Shujairi bin Haji Asri
No 29, Simpang 1185-73-193-11,
Bukit Beruang, Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
29 November 2022

b. Semua sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tarikh :
29 Disember 2022

BCY / CP / 96 / 2018

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
- Pemiutang / Pemetisyen

Dayang Zerinah binti Abdullah
(BYIC No. : 00-257898)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan Dan
Notis Perjumpaan Pemiutang
Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **26 Mac**
2022.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :
Dayang Zerinah binti Abdullah
No 7, Spg 472, Kg. Sg. Hancing,
Jalan Muara, BC2115,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
27 Jun 2018

b. Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Penghutang yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **26 Mac 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat**
1, Bilik (R1-1), Mahkamah Besar
pada **24 Januari 2023, jam 10.00**
pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **24 Januari 2023, jam 10.00**
pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
12 Januari 2023

BCY / CP / 114 / 2022

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Dk Siti Normannitalela
binti Pg Othman
(BYIC No. : 00-296038)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan Dan
Notis Perjumpaan Pemiutang
Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **7 Januari**
2023.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :
Dk. Siti Normannitalela
binti Pg. Othman
No 19, Spg. 355-101-6,
STKRJ Kg. Katok 'A',
Tungku Gadong, BE2119,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
22 September 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Penghutang yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat

Dua, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **7 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat**
1, Bilik (R1-1), Mahkamah Besar
pada **16 Mac 2023, jam**
10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **16 Mac 2023, jam 10.00 pagi**
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
12 Januari 2023

BCY / CP / 74 / 2022

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Muhammad Kamal bin Hassan
(BYIC No. : 01-038279)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penerimaan Dan
Notis Perjumpaan Pemiutang
Pertama

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **7 Januari**
2023.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :
Muhammad Kamal bin Hassan
No. 53, Jalan Kapok,
Kg. Kapok Kanan, Muara,
BT2328,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
16 September 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan Borang-Borang
Bukti Hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa yang
boleh.

c. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **7 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat**
1, Bilik (R1-1), Mahkamah Besar
pada **18 Mac 2023, jam**
10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
Penghutang adalah ditetapkan
pada **18 Mac 2023, jam 10.00 pagi**
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
12 Januari 2023

BCY / VCWP / 2 / 2022

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi (Penggulungan)
Aturan 2018

Dan

Dalam Perkara ABS Group (B)
Sdn Bhd

Notis Insolvensi
(Penggulungan)

Nama Syarikat :
ABS Group (B) Sdn Bhd
Alamat Pejabat Berdaftar :
No. 15, BT Haji Uthman
Complex, Jalan Komersial Jaya
Setia, Kg. Jaya Setia, BB2713,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Perintah Penggulungan :
10 Disember 2022

Pejabat Pegawai Rasmi,
Mahkamah Besar,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha,
Negara Brunei Darussalam

Notis Perjumpaan Pertama
Pemiutang

(Di bawah Perintah Penggulungan
bertarikh 10 Disember 2022)

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pertama Pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat**
1, Bilik (1-1), Mahkamah Besar.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah diserah-
simpan kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Bertarikh :
14 Januari 2023

Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



جوالن ساليينن كمبر ٢ ديكيترل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

IMBASAN MINGGUAN



PARA bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi melakukan pemeriksaan kesihatan (perjumpaan doktor) sebagai persiapan sebelum pergi menunaikan ibadah haji pada tahun ini. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BEBERAPA pengayuh basikal yang menyertai Ekspedisi Berbasikal Jalanan Muhibbah Persatuan Pengakap Daerah Tutong (PPDT) dengan Bikepack Ride Trans Borneo sejauh 400 kilometer. - Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim.



SALAH seorang pengundi yang turut melakukan pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung Rimba 1, Mukim Gadong 'A'. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

SALAH seorang kanak-kanak yang tidak melepaskan peluang menyertai salah satu aktiviti Dudun DBP pengisian aktiviti Bandarku Ceria. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA anak yatim dan mereka yang kurang berkemampuan yang menerima Hampers 'Back To School' yang merupakan salah satu aktiviti tahunan Yayasan Amal Zahara. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

SEBAHAGIAN penuntut daripada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Mekanikal semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan bagi IBTE yang berlangsung di Dewan Serbaguna kampus berkenaan. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

KUPU SB ANJURKAN KHAIRAT TA'LIM MUALLAF

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



ANTARA yang menyertai Khairat Ta'lim Muallaf bersama saudara baharu yang merupakan salah satu aktiviti di bawah Program Keagamaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (atas dan atas kanan).

TEMBURONG, Sabtu, 4 Februari. - Khairat Ta'lim Muallaf bersama saudara baharu dengan tema 'Menghalusi Solat mengikut Mazhab Syafie' merupakan salah satu aktiviti di bawah Program Keagamaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB).

Seramai lebih 40 saudara baharu dan Pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI) hadir bagi mengikuti program tersebut baru-baru ini.

Acara diadakan selepas Solat Maghrib yang diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Menghalusi Solat

Mengikut Mazhab Syafie' yang disampaikan oleh Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Khairat Ta'lim diteruskan selepas Solat Isyak dengan praktikal solat secara berkumpulan.

Praktikal Solat difasilitatoran oleh seramai 30 mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB yang mengikuti Program Jati Diri dan Pengembangan Potensi Diri.

Program Jati Diri dan Pengembangan Potensi Diri diadakan di Daerah Temburong selama empat hari bermula pada Khamis, 2 Februari 2023 hingga Ahad, 5 Februari 2023.

la bertujuan agar para pelajar dapat menjadi pemimpin yang berwawasan, serba boleh, dapat mengetahui, memahami dan mengaplikasikan konsep-konsep dan teori-teori kepimpinan yang berasaskan prinsip-prinsip Islam mengikut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.

Selain meningkatkan keprihatinan dan rasa bertanggungjawab terhadap keperluan masyarakat dan negara, aktiviti tersebut juga diharap akan dapat membentuk sahsiah dan keperibadian pelajar agar



mempunyai keseimbangan dari segi perkembangan intelek, fizikal, emosi dan rohani.

Di samping itu, ia juga diadakan bersempena Kempen Hari Bertindak Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022 anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aktiviti yang akan dijalankan adalah berkaitan Masyarakat, Pendidikan, Keusahawanan Sosial, Kerohanian dan Keagamaan, dan Pembangunan Belia.

Pada hari pertama, para pelajar berpeluang membuat riadah di Bukit Patoi seterusnya mengimarahkan masjid Kampung Batu Apoi dengan mengadakan kempen kebersihan dan aktiviti kerohanian dan keagamaan.

Pada hari kedua pula, peserta mengikuti aktiviti kepimpinan dan pembangunan belia di Outward Bound Brunei Darussalam, manakala di hari terakhir nanti para peserta akan mengikuti aktiviti berbentuk keusahawanan sosial.

Pasar Kitani tampilkan pelbagai produk tempatan



PASAR Kitani menampilkan pelbagai produk sayur-sayuran, buah-buahan, pelbagai jenis telur, produk agrimakanan dan lain-lain lagi hasil produk tempatan untuk para pengguna (atas, bawah dan bawah kanan).



Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

RIMBA, Ahad, 5 Februari. - Pasar Kitani yang kini terletak di Pusat Agribusiness Rimba, di sini, menampilkan pelbagai produk sayur-sayuran, buah-buahan, pelbagai jenis telur, produk

agrimakanan dan lain-lain lagi hasil produk tempatan untuk para pengguna.

Pasar berkenaan bermula dari jam 6.00 pagi hingga 5.00 petang setiap Sabtu dan Ahad. Menerusi Pasar Kitani ini ia memberi peluang kepada para pengusaha atau peladang tempatan untuk menjual hasil ladang mereka yang segar dan berkualiti secara langsung kepada pengguna, di samping memberikan peluang kepada mereka untuk mempromosi hasil ladang dan produk mereka.

la juga merupakan salah satu usaha dan kaedah untuk menyediakan alternatif kemudahan tempat berniaga jualan langsung pada setiap hujung minggu, malah meningkatkan keluaran hasil dengan membantu peladang dan



pengusaha tempatan.

Semasa tinjauan, pasar berkenaan masih mendapat sambutan baik daripada orang ramai yang datang berkunjung

kerana mereka berpeluang untuk berinteraksi bersama para pengusaha ladang dan berkongsi maklumat mengenai dengan bercucuk tanam.



Demand4fitness bantu realisasikan impian Rosdiman

KESIHATAN adalah suatu faktor yang sangat berharga dalam hidup. Penjagaan kesihatan diri dan tubuh badan amat penting agar sentiasa dalam keadaan sihat dan terhindar daripada penyakit. Begitu juga dengan Belia Berwawasan kita kali ini, minat yang tinggi dalam aspek penjagaan kesihatan dan kecergasan tubuh badan mendorong anak muda berusia 27 tahun menjadi seorang jurulatih *fitness* yang bertauliah. Inisiatif beliau ingin membantu ke arah masyarakat yang sihat dan cergas telah memberi semangat yang kuat untuknya menjalankan satu perkhidmatan *fitness* yang diberi nama Demand4fitness atau dikenali dengan D4F Enterprise.

Demand4fitness mula dijalankan pada tahun 2019 yang diasaskan oleh Awang Rosdiman bin Haji Awang Lakim. Tujuannya adalah untuk memberi manfaat kepada orang awam agar sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan dengan melakukan kegiatan olahraga dan aktiviti-aktiviti yang boleh mengeluarkan toksin dalam badan kita. Perkhidmatan yang dijalankan secara persendirian ini menawarkan khidmat jurulatih yang dilakukan secara *virtual* atau fizikal bagi mana-mana pelanggan yang berminat untuk melakukan aktiviti

fizikal dan bersenam. Awang Rosdiman juga menawarkan kelas *coaching* demonstrasi pergerakan-pergerakan otot tubuh badan yang betul agar pelanggan boleh mengikutinya dengan mudah dan teratur. Ini amat penting untuk menghindari dari terjadinya kesalahan yang boleh mengakibatkan kecederaan.

Strategi

Menyentuh tentang strategi D4F, beliau menjelaskan bahawa penggunaan platform media sosial seperti Facebook, TikTok, Instagram, WhatsApp dan Twitter banyak membantu dirinya dalam mempromosikan usaha *fitness* ini. Beliau juga berusaha menyertai mana-mana kursus dan aktiviti-aktiviti fizikal bagi meningkatkan lagi kemahiran juga pengetahuan beliau tentangnya.

Cabaran

Cabaran bagi beliau adalah sesuatu yang lumrah dalam kehidupan kita. Begitu juga dalam dunia usahawan. Bagi Awang Rosdiman, beberapa cabaran turut dihadapinya untuk mencapai apa yang diinginkan dan di antaranya ialah

mendapatkan pelanggan untuk memilih pakej perkhidmatan diberikan dan meyakinkan mereka untuk sentiasa komited dalam melakukan aktiviti fizikal dan olahraga. Seseorang itu harus mempunyai semangat yang kuat serta sokongan orang sekeliling untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Begitu juga dengan peralatan-peralatan *fitness*, beliau rela berkorban menjual kereta miliknya semata-mata untuk membeli peralatan tersebut. Orang-orang sekeliling juga banyak membantunya dalam menyumbangkan peralatan *fitness* yang diperlukan. Setakat ini lebih BND8,000 dibelanjakan dalam menjalankan usaha *fitness* ini.

Pembakar semangat

Beliau mengakui pada mulanya sememang sukar untuk menjalankan usaha *fitness* sendirian. Namun, berkat dengan sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan *mentor* menguatkan lagi semangatnya untuk meneruskan perjuangan ini. Kedua ibu bapa juga turut memberikan dorongan dan sokongan dari segi moral dan kepercayaan kepada beliau untuk fokus kepada kebolehan dan kekuatan dalam menjalani usaha

Oleh : Nurul Rasyidah
Mohamad Rosland
Foto : Hsnan Rosdiman Haji Lakim

berkenaan lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang sangat mencabar ini.

Perancangan masa hadapan

Mengenai perancangan masa depan, Awang Rosdiman berhasrat Demand4fitness dapat memberikan banyak manfaat kepada para pelanggan *fitness* dan memberi mereka peluang untuk melibatkan diri dalam dunia kejurulatihan *fitness* agar bersedia untuk berkongsi ilmu dan pengalaman kepada para pelanggan yang lain.

Beliau juga berhasrat agar usaha *fitness* ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai dan menjadikan usaha *fitness* ini maju sehingga mampu menjadi *fitness* yang bertaraf antarabangsa sepertimana yang diimpikan. Bagi yang berminat untuk menggunakan khidmat jurulatih Awang Rosdiman, pakej yang ditawarkan boleh diperolehi melalui Instagram *fitness* beliau di @demand4fitness atau WhatsApp +673 8874958.



Berjimat cermat tanda kita bersyukur

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Jabatan Penerangan

PADA era globalisasi ini kerancangan pertumbuhan ekonomi negara dan dunia menjadi agenda utama dalam mengecapi kejayaan. Namun ketidakpastian ekonomi dan kenaikan kos sara hidup telah mendorong masyarakat konvensional hari ini mengamalkan berjimat cermat untuk keluar daripada kepompong inflasi.

Amalan berjimat cermat sememangnya banyak memberikan manfaat kepada semua kerana ia dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan dan mengelak dari melakukan pembaziran. Sering kali kita dengar tentang isu-isu kenaikan harga dan gelombang inflasi yang berlaku secara domestik dan global. Oleh sebab itu, adalah penting untuk kita untuk mengamalkan amalan berjimat cermat yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu agar mereka tahu merancang kewangan mereka dan berbelanja secara berhemah tanpa boros.

Faedah, manfaat berjimat cermat

Banyak faedah dan manfaat yang dapat diperolehi dari amalan berjimat cermat antaranya apabila kita mengamalkan amalan berjimat cermat, bermakna kita akan mempunyai wang simpanan yang lebih dan ianya boleh menambah simpanan dan hasil

pendapatan kita. Mempunyai simpanan yang cukup akan membantu kita menghadapi situasi kecemasan dari segi kewangan tanpa perlu berhutang ataupun meminta bantuan daripada orang lain seperti jika berlaku hal-hal kecemasan, keperluan yang mendesak bagi perbelanjaan pendidikan anak-anak, membaiki kereta rosak dan sebagainya. Berjimat cermat juga boleh menjauhkan diri kita dari berhutang kerana orang yang berbelanja dengan boros biasanya akan terjerat dengan masalah hutang. Selain itu, membuatkan seseorang itu sentiasa berfikir panjang sebelum membelanjakannya. Sikap seperti ini membantu mengurangkan kesilapan kita untuk membeli sesuatu barangan yang tidak perlu dan merugikan.

Menabung

Amalan berjimat cermat seharusnya dipupuk sejak kanak-kanak lagi dengan cara menabung. Amalan menabung juga mampu membantu kita berjimat cermat, di samping dapat mendidik mereka untuk berbelanja dengan bijak dan berhemah. Inisiatif ibu bapa membuka akaun bank simpanan kewangan bagi anak mereka mampu membantu menghasilkan lagi banyak duit yang ditabung dan selamat untuk

disimpan.

Bijak dalam merancang perbelanjaan

Pelbagai amalan berjimat cermat yang boleh dilakukan oleh masyarakat dalam berdepan ketidakpastian ekonomi yang terjadi pada masa kini. Kesedaran tentang pengurusan kewangan menjadi tanggungjawab bersama. Merancang perbelanjaan seharian dan pengurusan kewangan secara bijak dapat memastikan aliran wang yang dibelanjakan berbaloi dan tidak merugikan. Dalam masa yang sama, kita hendaklah mementingkan keperluan daripada kehendak. Berbelanja bagi memenuhi keperluan kita itu tidaklah salah, akan tetapi kita hendaklah melakukannya menurut kemampuan keperluan bukannya mengutamakan kemahuan dan hawa nafsu.

Orang yang berjimat cermat tidak akan membeli sesuatu barang tanpa menyelidikinya terlebih dahulu. Mereka akan melakukan perbandingan harga sebelum membeli belah supaya pembelian mereka itu berbaloi dengan wang yang telah mereka atur. Pembelian yang tidak cermat boleh menyebabkan kita terbeli sesuatu yang membawa kerugian dan penyesalan. Membuat perbandingan harga produk sebelum membeli belah adalah amalan yang tepat bagi meringankan lagi beban kewangan kita hari ini.

Kesimpulan

Agama Islam juga mengajarkan kita untuk bersifat sederhana. Sebagai umat Islam kita seharusnya mengamalkan amalan berjimat cermat serta bersederhana dalam perbelanjaan kita kerana amalan ini mengajarkan kita untuk mendisiplinkan diri. Oleh itu, jika mahu ekonomi kita stabil dan terjamin, kita hendaklah mengamalkan cara berbelanja yang bijak seperti mengutamakan barangan yang benar-benar diperlukan, mengamalkan sifat menabung dan tidak boros serta mengamalkan cara hidup yang sederhana. Sepertimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 27, tafsirnya : *"Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang salah) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah kufur kepada Tuhannya"*.

Secara kesimpulan, kita hendaklah bersyukur kerana dikurniakan banyak nikmat Allah. Kita perlu menjadikan amalan berjimat cermat sebagai budaya dalam hidup kita yang pastinya memberi keuntungan kepada kita dan mengelak kita dari ditimpa pelbagai masalah. Berjimat cermat juga salah satu cara kita untuk sentiasa mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala. Jika kita bersyukur, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan menambah lagi rezeki kita.





BEKAS PM MESIR SHERIF ISMAIL MENINGGAL DUNIA PADA USIA 67

KAHERAH, 5 Feb. - Bekas Perdana Menteri Mesir Sherif Ismail meninggal dunia pada usia 67 tahun, lapor Xinhua memetik agensi berita rasmi Mesir MENA.

Ismail meninggal dunia pada Sabtu dan dilaporkan menghidap penyakit berkaitan sistem

penghadaman, menurut laporan media sebelum ini.

Beliau berkhidmat sebagai perdana menteri Mesir antara 2015 dan 2018 serta pernah dilantik sebagai menteri petroleum dan sumber mineral dari 2013 hingga 2015.

Presiden Mesir Abdel Fattah Al Sisi menzahirkan 'kesedihan yang

mendalam' atas kematian Ismail.

"Beliau benar-benar seorang yang hebat, yang memikul tanggungjawab pada masa yang sukar dan bersedia menggalas tanggungjawab.

"Saya mengenali beliau sebagai seorang yang tidak mementingkan diri sendiri, berdedikasi, amanah, menjunjung

kepentingan negara dan rakyatnya melebihi kepentingan peribadi," menurut satu kenyataan yang dikeluarkan Al-Sisi. - ©BERNAMA

Menteri-menteri Luar ASEAN kecam ekstremis bakar Al-Quran

JAKARTA, 5 Feb. - Menteri-menteri Luar ASEAN mengecam sekeras-kerasnya tindakan ahli politik pelampau di negara tertentu yang membakar dan mencemarkan kitab suci al-Quran bulan lepas.

"Tindakan ini telah menyakiti dan mencemarkan toleransi beragama," menurut kenyataan Pengerusi mesyuarat majlis penyelaras ASEAN dan pemukiman menteri-menteri luar pada Ahad.

Perhimpunan tahunan menteri-menteri luar ASEAN menegaskan bahawa kebebasan bersuara mesti dilaksanakan dengan cara yang bertanggungjawab.

Mereka mengesahkan komitmen ASEAN untuk terus menggalakkan dialog dan persefahaman serta kewujudan bersama secara aman dan harmoni dalam komuniti global yang

pelbagai.

Pada 21 Jan, Rasmus Paludan, ketua parti sayap kanan Denmark, Stram Kurs (Hard Line) bertindak membakar salinan al-Quran di hadapan sebuah masjid di Denmark, beberapa hari selepas dia membakar al-Quran di luar Kedutaan Turkiye di Sweden.

Dalam provokasi lain, Edwin Wagensveld, ketua kumpulan Islamofobia Pegida, turut membakar halaman al-Quran di The Hague pada 22 Jan hingga mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia.

Sementara itu, menteri-menteri luar juga menyuarakan kebimbangan mengenai ujian peluru berpandu balistik antara benua Korea Utara dan pelancaran peluru berpandu balistik baru-baru ini.

Menteri-menteri luar menekankan kepentingan dialog secara aman yang berterusan demi

merealisasikan keamanan dan kestabilan yang berkekalan di Semenanjung Korea.

"Kami menggesa semua pihak yang berkaitan untuk mengelakkan sebarang perbuatan dan tindak balas ketenteraan yang boleh meningkatkan ketegangan," menurut menteri-menteri luar.

Situasi di Laut China Selatan juga dibincangkan termasuk berkaitan tebus guna tanah, perkembangan terkini dan insiden serius yang mengkhakis kepercayaan dan keyakinan.

Menteri-menteri luar turut menegaskan keperluan untuk meneruskan penyelesaian secara aman berhubung pertikaian itu di bawah undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 mengenai Undang-undang Laut. - ©BERNAMA

Serbia enggan sertai NATO

BELGRADE, 4 Feb. - Presiden Aleksandar Vucic pada Jumaat berkata Serbia tidak akan menyertai NATO.

Beliau berkata demikian pada hari kedua sesi khas Perhimpunan Serbia yang membincangkan secara menyeluruh Rancangan Franco-Jerman yang disokong oleh Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) secara menyeluruh untuk menyelesaikan isu Kosovo.

"Serbia tidak mahu menyertai NATO. Serbia mahu mengekalkan dan mengukuhkan neutraliti tenteranya. Terdapat perbezaan

besar antara integrasi Eropah dan integrasi Atlantik," kata beliau lapor Agensi Anadolu.

Beliau berkata Serbia akan menghalang Kosovo daripada menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan yakin boleh merealisasikannya.

Ahli Parlimen telah menerima pakai laporan kerajaan mengenai rundingan dengan Kosovo dari September 2022 hingga pertengahan Januari 2023.

Laporan itu menerima undian 153 menyokong, 23 lagi membantah manakala sembilan

berkecuali ketika perbahasan mengenainya dilakukan di Parlimen yang dihadiri oleh 183 Ahli Parlimen.

Kosovo mengisytiharkan kemerdekaannya daripada Serbia pada 2008 dengan kebanyakan negara anggota PBB termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman dan Turkiye mengiktirafnya sebagai negara autonomi yang berasingan daripada jirannya.

Bagaimanapun, Belgrade terus menganggap Kosovo sebagai sebahagian wilayahnya. - ©BERNAMA

Belon pengintip : Setiausaha AS selar tindakan China

WASHINGTON, 4 Feb. - Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Antony Blinken menyifatkan insiden belon pengintip yang dikesan di ruang udara AS sebagai satu tindakan "tidak bertanggungjawab" dan "tidak boleh diterima".

Beliau berkata tindakan itu jelas melanggar kedaulatan AS dan undang-undang antarabangsa, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Beliau berkata dunia mengharapkan AS dan China menguruskan hubungan mereka secara bertanggungjawab dan AS berusaha untuk berbuat demikian dan mengharapkan perkara yang sama dari China.

"AS akan terus mengekalkan komunikasi terbuka dengan China termasuk untuk menangani insiden itu," kata Blinken.

Keutamaan Washington adalah untuk mengalihkan belon itu dari

ruang udaranya namun, beliau tidak mengulas lanjut bagaimana ia akan dilakukan.

Blinken yang membatalkan lawatannya ke China susulan pencerobohan itu berkata beliau akan melawat Beijing sebaik keadaan mengizinkan.

Bagaimanapun, Blinken berkata: "tingkah laku China menjelang lawatan itu merosakkan perbincangan substantif yang telah kami aturkan". - ©BERNAMA

Larangan import produk petroleum Rusia ke EU berkuat kuasa Ahad

BRUSSELS, 5 Feb. - Larangan mengimport produk petroleum Rusia seperti diesel atau petrol ke Kesatuan Eropah (EU) dikuat kuasa pada Ahad.

Langkah itu bertujuan untuk mengehadkan pendapatan Rusia dari membiayai operasi ketenteraannya ke atas Ukraine, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Menurut angka terbaru dari agensi statistik EU Eurostat, Rusia mengeksport produk petroleum bernilai lebih 2.3 bilion (US\$2.5 bilion) ke EU pada Oktober.

Langkah itu diputuskan pada Jun sebagai sebahagian daripada pakej sekatan keenam EU ke atas Rusia susulan pencerobohannya ke atas Ukraine, tetapi mungkin mengecualikan sekatan untuk beberapa negara EU buat sementara waktu.

Sebagai tambahan kepada sekatan itu, EU dan negara G7 iaitu Jepun, Kanada, United Kingdom dan Amerika Syarikat bersetuju untuk hanya membenarkan perkhidmatan yang memudahkan eksport kepada negara ketiga jika produk petroleum Rusia dijual di bawah paras harga tertentu. - ©BERNAMA

13 maut dalam kebakaran hutan di Chile

SANTIAGO, 4 Feb. - Seramai 13 orang maut di Chile akibat kebakaran hutan yang melanda beberapa wilayah, menurut pihak berkuasa pengurusan bencana Senapred.

"Seramai 13 maut akibat kebakaran hutan di wilayah Biobio, Nuble dan La Araucania," kata Senapred dalam satu kenyataan pada Jumaat, lapor Sputnik.

Antara yang maut, seorang anggota bomba wanita berusia 37 tahun serta juruterbang dan mekanik helikopter yang sedang dalam misi memadamkan kebakaran di kampung Galvarin.

Pada masa ini terdapat 178 kebakaran hutan di Chile yang meliputi kira-kira 8,000 hektar tanah. - ©BERNAMA

17 maut dalam nahas jalan raya di Tanzania

DAR ES SALAAM (Tanzania), 4 Feb. - Seramai 17 orang maut dan 12 cedera dalam nahas jalan raya di wilayah Tanga, Tanzania pada Sabtu pagi selepas sebuah bas mini bertembung dengan trak, kata seorang pegawai.

Pesuruhjaya Wilayah Tanga Omar Mgumba berkata nahas itu berlaku di Mombo 284 kilometer utara bandar komersial Dar es Salaam.

"Kami masih belum dapat mengenal pasti identiti mangsa yang maut..." kata Mgumba kepada pemberita lapor Agensi Anadolu.

Beliau berkata bas mini yang membawa jasad dan waris itu dalam perjalanan menuju ke wilayah Kilimanjaro untuk upacara pengubuman sebelum bas itu bertembung dengan sebuah trak. - ©BERNAMA

Pakistan sekat Wikipedia

MOSCOW, 4 Feb. - Pakistan dilaporkan telah menyekat Wikipedia kerana ensiklopedia dalam talian itu tidak memadamkan beberapa kandungan yang didapati "menjelikkan", lapor Sputnik, memetik Bloomberg.

Pihak Berkuasa Telekomunikasi Pakistan (PTA) berkata pada Rabu, Wikipedia tidak mematuhi arahan untuk memadamkan kandungan tertentu yang menyalahi undang-undang.

Beberapa kandungan masih ada di Wikipedia selepas tamat tempoh akhir 48 jam dan kerana platform itu gagal memadam kandungan itu ia telah disekat, kata jurucakap PTA Malahat Obaid.

Beliau berkata PTA akan mempertimbangkan untuk menarik balik sekatan jika kandungan berkenaan dipadamkan sepenuhnya.

PTA sedang membincangkan isu itu dengan pegawai Wikipedia. - ©BERNAMA

PJSC anjur World Cancer Day Weekend 2023



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PJSC; **Yang** Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga PJSC; **Yang** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; **Yang** Berhormat Menteri Pembangunan dan **Yang** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa bergambar ramai pada acara World Cancer Day (WCD) Weekend 2023.

>> Muka 24

Oleh itu, tambah beliau, PJSC sentiasa memastikan mesej yang disampaikan setiap tahun adalah konsisten, relevan dan memberi kesan kepada pesakit dan rakyat di Negara Brunei Darussalam yang mana kempen tahun ini memberikan platform kepada pesakit-pesakit kanser dan keluarga untuk bergaul dengan pihak-pihak berkepentingan dan orang ramai.

"Bagi orang ramai, PJSC telah mengadakan cabaran 21 hari selaras dengan kempen yang diadakan oleh UICC yang menyeru para peserta untuk mengamalkan cara hidup sihat dengan pemakanan sihat, menjadi lebih aktif dan mengongsikan maklumat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

tentang kanser dan kesihatan selama 21 hari berturut-turut untuk memberikan impak yang nyata. Usaha ini dijayakan sama acara pengengaruh tempatan yang turut melakukan cabaran 21 hari tersebut," jelasnya.

Lebih 1,000 peserta telah menyertai acara PJSC WCD Weekend 2023 iaitu Walk to Beat Cancer (2.5km), WCD Amazing Race dan Bike to Beat Cancer (30km). Lebih kurang 500 peserta menyertai Walk to Beat Cancer iaitu berjalan kaki sejauh 2.5km mengelilingi Bandar Seri Begawan melalui Taman Mahkota Jubli Emas.

Walkaton tersebut diketuai oleh

tiga buah beca berhias diikuti tetamu kehormat, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Pasukan Pengurusan Kanan PJSC, pesakit kanser, penaja dan peserta.

Bekas pesakit kanser, Pixie Bakery juga turut serta sebagai salah satu vendor, di mana beliau juga menjual karya seninya dan menyumbangkan hasilnya kepada Dana Sosial Perubatan MSF PJSC yang bertujuan untuk menyokong kanser dan pesakit lain dari PJSC.

Acara tersebut diteruskan dengan lawatan ke pameran kanser interaktif di mana orang ramai boleh mengetahui lebih lanjut tentang kanser dan gerai penaja.

Terdapat juga Pembentukan Reben Terbesar di mana pesakit / mereka yang sembuh dari kanser, pihak berkepentingan, tetamu, dan peserta berkumpul untuk membentuk Reben Ungu Simbolik untuk menandakan semangat dan perjuangan menentang kanser. Pembentukan reben ini merupakan julung kali diadakan di negara ini.

Antara aktiviti yang turut disediakan adalah seperti Kids Corner, Nerf Challenge anjuran Nerfwreck Brunei, Fitness Challenge by Fitness Zone, Exhibition, WCD Raffle dan vendor makanan oleh PKS tempatan yang menjual produk buatan sendiri.

Sambutan pada tahun ini merupakan salah satu kempen kanser terbesar negara setakat ini dengan sokongan lebih 24 penaja

WCD iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Borneo Genomics Innovation Sdn. Bhd. Brunei; D'Sunlit Sdn. Bhd.; Brunei AstraZeneca; Janssen Pharmaceuticals, Zuellig Pharma Sdn. Bhd.; Medicorp Sdn. Bhd.; Progresif Sdn. Bhd.; Boeffi International (B) Sdn. Bhd.; Aman Power Store; Connex Brunei; The Abode Resort and Spa; Fitness Zone; The Radisson Brunei Darussalam Hotel; Brunei River Cruise; Jaya Hypermarket Sdn. Bhd.; G Spa Beauty Salon; YGK Jewellery; Kitano Japanese Restaurant and Catering; Gong Cha; Jerudong Park Medical Centre (JPMC); Massutera Engineering Sdn. Bhd.; IBIC Sdn. Bhd. (SEHAT) dan Snek Ijoi.

Acara itu juga turut disokong Rakan Kempen, Limin Cardio Fitness, Aewon Brunei dan Nerfwreck Brunei. PJSC menyokong penuh UICC dalam memerangi kanser dan dengan semua aktiviti dan inisiatif terutamanya semasa WCD ini.

Oleh itu, PJSC menggalakkan orang ramai untuk menunjukkan sokongan mereka dengan menyertai Cabaran 21 Days to Impact, di mana kita boleh memperkukuh gaya hidup dan perspektif yang lebih sihat tentang kehidupan. Peserta dalam cabaran ini perlu mendaftar di laman sesawang UICC dan gesaan harian akan dihantar melalui e-mel.

Hadir sama, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Duta Muhibah PJSC dan Duta Kesedaran Kanser, Wu Chun yang baru dilantik sebagai Duta Rasmi WCD UICC.



ANTARA peserta yang menyertai beberapa acara PJSC WCD Weekend 2023 (kiri dan kanan).

PERLAWANAN BADMINTON PERSAHABATAN ERATKAN SILATURAHIM



PERLAWANAN badminton persahabatan tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara kedua-dua pasukan.

Berita dan Foto : Ihsan
Pasukan Harmoni Veteran

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Februari. - Pasukan Harmoni Veteran (HV) pengguna Dewan Tanjong Nangka (SATENAGA) kelmarin mengadakan perlawanan badminton persahabatan dengan pasukan badminton Iklimega (Iklimega Sdn.Bhd).

Perlawanan diadakan di Dewan Perbadanan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

Pasukan HV terdiri daripada seramai 18 orang yang diketuai oleh Awang Haji Jofri bin Haji Sahat dan pasukan Iklimega Labuan diketuai oleh Haji Emran bin Haji Jinin.

Setentunya perlawanan persahabatan tersebut bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara kedua-dua pasukan.



PJSC ANJUR WORLD CANCER DAY WEEKEND 2023



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga PJSC; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara dimulakan dengan acara memanaskan badan, *warm-up and move around* dan seterusnya ucapan alu-aluan dari Pengerusi Jawatankuasa Sambutan WCD PJSC 2023, Dr. Lu Shir Kiong yang antara lain menyentuh mengenai meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menangani dan mengawal situasi kanser di seluruh dunia bagi menghentikan dan mengurangkan kematian pra-matang yang disebabkan oleh kanser.

"Close the Care Gap atau Merapatkan Jurang Penjagaan Kesihatan merupakan tema yang telah ditetapkan oleh UICC yang akan digunakan selama tiga tahun dan tahun 2023 merupakan tahun kedua PJSC meraikan WCD.

"Ia memberikan tumpuan khas kepada mengatasi cabaran dan halangan yang dialami oleh para pesakit dalam mendapatkan rawatan dan penjagaan kanser seperti kurangnya pembiayaan, tahap acara, lokasi tempat tinggal yang tidak kondusif, diskriminasi dan sebagainya," ujarnya.

>> Muka 23

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PJSC hadir selaku tetamu kehormat pada acara World Cancer Day (WCD) Weekend 2023. Turut hadir pada acara tersebut ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Februari. - Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) mengadakan acara World Cancer Day (WCD) Weekend 2023 bersempena dengan memperingati WCD yang diraikan setiap 4 Februari, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, hari ini. Persatuan Kawalan Kanser Antarabangsa (Union for International Cancer Control atau UICC) melancarkan tema tiga tahun untuk menyatukan dunia di bawah satu barisan,

dari tahun 2022 hingga 2024 yang dikenali 'Close The Care Gap' (Menutup Jurang Penjagaan).

Pada tahun pertama, kempen tiga tahun berkenaan memberikan penekanan yang kuat ke arah memahami dan mengenali ketidaksamaan, dalam penjagaan kanser di seluruh dunia dengan memahami perspektif pesakit kanser dan kemudian menjadikan pengalaman berkenaan untuk membimbing.

Penganjurannya pada tahun ini, kita bergerak ke arah menguatkan suara kita dan mengambil tindakan yang perlu. Masih banyak lagi inisiatif dan tindakan yang boleh diambil dan disatukan di bawah satu suara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PJSC.

Turut hadir, Menteri Kesihatan,

2 pemenang BN on The Move terima hadiah



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada penerima pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi kempen BN on The Move - Cabaran 20 Bilion Langkah.

BERAKAS, Sabtu, 4 Februari. - Awang Samri bin Haji Bujang berjaya membawa pulang baucar Royal Brunei Airlines (RB) sebanyak BND3,000 setelah mencapai langkah tertinggi pada kempen BN on The

Move - Cabaran 20 Bilion Langkah pada Majlis Penyampaian Hadiah yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini. Sementara itu, Dayang Siti Norhanissah

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

binti Sulaiman pula memenangi tempat kedua sekali gus membawa pulang hadiah sebanyak BND1,500 baucar RB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan penaja, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa selamat, diikuti dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang BN on The Move - Cabaran 20 Bilion Langkah.

Majlis antara lain bertujuan untuk menghargai penyertaan yang sangat positif daripada orang ramai dalam kempen BN on The Move yang bertujuan untuk menggalakkan pengamalan gaya hidup aktif dengan melakukan aktiviti senaman seperti berjalan kaki atau meningkatkan jumlah langkah setiap hari secara individu atau berkumpulan sepanjang bulan Oktober 2022 hingga ke penghujung bulan Disember 2022.

Pelbagai cabaran bagi bulan Disember 2022, iaitu mencapai 10,000 langkah setiap hari pada Disember 2022; mencapai

matlamat peribadi harian (personal daily steps goals) bagi setiap kategori, iaitu Kategori 12 hingga 17 Tahun; Kategori 18 hingga 40 Tahun; Kategori 41 hingga 59 Tahun; dan Kategori 60 Tahun Ke Atas; pemenang Cabutan Bertuah; Mencapai 10,000 langkah setiap hari dari Oktober 2022 hingga Disember 2022; serta Langkah Tertinggi dari Oktober 2022 hingga Disember 2022.

Kementerian Kesihatan juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Royal Brunei Technical Services; RB; Jerudong Park Medical Centre (JPMC); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC); Gleneagles JPMC; Imagine Sdn. Bhd.; Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Progresif Sdn. Bhd.; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Arrowtech Group di atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan kempen berkenaan.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Rafidah binti Haji Gharif; Ketua-ketua Pegawai Eksekutif, ketua-ketua jabatan; para pegawai kanan; para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMALKAN MEMBERI DAN MENJAWAB SALAM SEBAGAI SATU BUDAYA DALAM KEHIDUPAN KITA